



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PULAU PINANG**

Tingkat 42,  
Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)  
10000 PULAU PINANG

Tel: 604-255 5500 – 507 (8 Tallan)

Faks: 604-255 5577

e-Mail : [pneg\\_png@anm.gov.my](mailto:pneg_png@anm.gov.my)

Laman Web:

<http://portalpp.anm.gov.my/penang>

Ruj. Kami : ANM PG.650 Jld. 4 (31)

Tarikh : 10 November 2023

Semua Ketua Jabatan/ Pusat Tanggungjawab di bawah seliaan  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang

**EDARAN SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (SPANM) BIL. 5  
TAHUN 2023 - TATACARA PENGURUSAN BAYARAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah mengeluarkan **SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (SPANM) BIL. 5 TAHUN 2023 - TATACARA PENGURUSAN BAYARAN** yang dikemas kini bertarikh **30 Oktober 2023**.

3. **SPANM BIL.5 TAHUN 2023** ini disediakan sebagai garis panduan kepada Kementerian/Jabatan dan Pejabat Perakaunan mengenai tatacara pengurusan bayaran Kerajaan Persekutuan selaras dengan pelaksanaan Perakaunan Akruan dan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) bagi memastikan pengurusan bayaran Kerajaan Persekutuan diperakaunkan dengan tepat dan betul dalam tempoh masa yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, **SPANM BIL.5 TAHUN 2023** ini berkuatkuasa mulai **01 NOVEMBER 2023**.

4. Bersama-sama dengan ini dikemukakan **SPANM Bil.5 Tahun 2023** untuk rujukan pihak Ybhg.Dato'/Tuan/Puan selanjutnya. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Dato' /tuan/puan berhubung perkara di atas amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“*Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan*”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**AZNI BT ABD HAMID** C.A.(M), ACMA, CGMA  
Ketua Penolong Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Pulau Pinang